

JAYAKAN KEJUARAAN 28 NOV 1987

B. Harian (M)

Sports Toto sumbang \$30,000

SUMBANGAN \$30,000 daripada Sports Toto kepada Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan pagi ini untuk menjayakan Kejuaraan Silat Sedunia di Stadium Negara pada 2-9 Disember, diharap dapat mengatasi masalah kewangan yang masih dihadapi bagi menampung perbelanjaan peserta-peserta negara.

Upacara penyampaian cek sumbangan Sports Toto itu akan diadakan di Tingkat 34 Menara Datuk Onn, Pusat Dangangan Dunia Putra pada jam 10 pagi ini. *PENCAR/ILMIA*

Terdahulu, pengurus kebangsaan, Haji Shafie Abdul Rahman, berkata peruntukan \$12,000 daripada Majlis Sukan Negara itu tidak mencukupi bagi menampung keperluan latihan persiapan 35 peserta, termasuk pesilat simpanan.

"Kami terpaksa mengeluarkan wang sendiri untuk membantu pesilat-pesilat yang menjalani latihan pusat. *MAM/ISMA*

"Bantuan diluluskan oleh MSN itu juga belum diperolehi. Kami memerlukan \$44,000 untuk per-

sediaan ke kejohanan dunia itu," ujarnya. Sementara itu, setiausaha agung Pesaka, A Rahman Hassan juga membuat permohonan \$20,000 untuk membeli peralatan silat, tetapi jumlah diluluskan oleh MSN cuma \$18,000.

"Ini bermakna kami tidak berupaya menyediakan peralatan-peralatan baru dan peruntukan dihuluskan itu sebenarnya untuk persiapan Sukan SEA 1989, bukan kejohanan dunia ini," kata Rahman.

Mengenai kejohanan bermula Rabu ini, beliau berkata kebanyakan peserta mengambil cuti tanpa gaji yang menyebabkan Pesaka perlu membayar elaun, makanan, penginapan dan insurans.

Menurutnya, sebagai tuan rumah, pasukan negara tidak patut menghadapi masalah seperti ini.

"Jangan terlalu mementingkan kemudahan peserta-peserta luar negeri hingga kebajikan pesilat-pesilat negara diabaikan," katanya.

Silat Sedunia: 19 negara sahsakan ambil bahagian

29 NOV 1987

Berita Minggu

PENCAR/ILMIA
KUALA LUMPUR — Denmark telah mengesahkan penyertaannya dalam Kejohanan Silat Sedunia di sini bulan depan, menjadikan 19 buah negara akan mengambil bahagian.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur kejuaraan itu, Abdul Aziz Derman, semalam berkata pihaknya menerima pengesahan itu baru-baru ini.

Negara-negara lain yang akan menyertai kejohanan itu ialah Austria, Australia, Belanda, Belgium, Britain, Sepanyol, Turkey, Surinam, Jerman Barat, Perancis, Brunei, Indonesia, Singapura, Filipina, Tanzania, Amerika Syarikat, Yugoslavia dan tuan rumah, Malaysia.

Malaysia akan mengemukakan dua pasukan yang terdiri daripada 45 pesilat dalam kejohanan yang melibatkan 300 pesilat dan 100 orang pegawai teknikal serta para juri.

Pengerusi jawatankuasa penganjur itu memberikan penjelasan ini dalam majlis penerimaan cek daripada Sports Toto Malaysia Berhad.

Abdul Aziz berharap kejohanan ini akan meletakkan imej silat ke tahap yang sesuai dengan perkembangannya masa kini serta sebagai 'jambatan budaya' yang memberangsangkan persahabatan antarabangsa.

Kejuaraan antarabangsa ini, yang akan berlangsung mulai 2 hingga 9 Disember ini, merupakan yang pertama kali diadakan di Malaysia. Kejohanan itu dijalankan dalam bentuk silat olahraga dan silat seni.

Beberapa bintang filem seperti Benjamin S., Dicky Zulkarnain, Eman Manan, Tamam Idris dan Rosnah Johari akan mengambil bahagian dalam acara selingan silat seni. — Bernama.

Persiapan kita terlalu singkat

B. Minggu (M)

PENCAR/ILMIA
PUNGUTAN dua pingat emas, tiga perak dan lapan gangsa dalam Sukan SEA, Jakarta baru-baru ini, membayangkan keupayaan pasukan negara untuk mencatat kejayaan lebih cemerlang lagi. *PENCAR/ILMIA*

Menurut laporan 'Silat Olahraga' Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka), pasukan negara mungkin mencatat kejayaan lebih memberangsangkan jika persiapan untuk pesilat-pesilat dibuat lebih awal.

Latihan

"Latihan pusat selama tujuh minggu tidak mencukupi dibandingkan dengan pasukan Indonesia selama